

Headline

**NZ Beauty Care sasar 100 pengedar, stokis tahun depan**

Date

**20 Nov 2010**

MediaTitle

**Berita Harian**

Section

**Ekonomi**

Journalist

**N/A**

Frequency

**Daily**

Circ / Read

**192,982 / 1,521,000**

Language

**Malay**

Page No

**28,29**

Article Size

**484 cm<sup>2</sup>**

Color

**Full Color**

ADValue

**21,323**

PRValue

**63,969**

# **NZ Beauty Care sasar 100 pengedar, stokis tahun depan**

**NZ** Beauty Care Centre, pengeluar serta pengedar produk kecantikan dan kesihatan untuk lelaki dan wanita merancang memperluaskan pasaran dengan melantik stokis dan pengedar di seluruh negara.

Pengurusnya, Norazizan Kamarudin, berkata syarikat itu mencari usahawan yang berminat memasarkan tiga produk utamanya, iaitu semburan, minyak aromaterapi untuk urutan serta bekas pembakar wangi (Aroma Diffuser) di bawah jenama Desire Miracle.

Katanya, syarikat itu menyasarkan seramai 100 pengedar dan stokis di seluruh negara tahun depan, masing-masing bagi setiap produk yang dikeluarkan itu.

"NZ Beauty Care mencari stokis dan pengedar berpotensi untuk memasarkan produk keluaran syarikat kami dalam usaha membantu mereka menjana pendapatan tambahan khususnya kepada golongan siswazah mahupun suri rumah.

"Malah, kami kini dalam

perbincangan dengan beberapa pengendali pasar raya besar dalam usaha mengembangkan pasaran produk kami ke seluruh negara," katanya ketika ditemui di Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

Beliau berkata, modal yang diperlukan bagi stokis adalah RM3,000 dan RM500 untuk pengedar yang mana mereka akan memperoleh peratusan keuntungan yang tinggi.

Katanya, syarikat itu akan memperkenalkan produk kosmetik, produk penjagaan rambut serta kuku tahun depan dalam usaha mempelbagaikan rangkaian produk yang dieluarkan.

"Selain rancangan memperkenalkan kiosk tahun depan, kami akan membuka pusat rawatan spa pertama di Bukit Jelutong, Shah Alam yang menggunakan rangkaian produk Desire Miracle," katanya.

Mengenai produk semburan Desire Miracle, katanya ia adalah semburan antioksidan yang dihasilkan dari buah-buahan dan tumbuhan

bagi membantu melambat sistem penuaan berpuncak radikal bebas. Katanya, ia didatangkan dalam tiga produk iaitu Desire Miracle Spray For Woman, Desire Miracle Spray For Man dan Desire Miracle Mangosteen yang dijual dari harga RM30 hingga RM80.

"Kumpulan penyelidikan dan pembangunan (R&D) kami termasuk dengan kerjasama FRIM, percaya hasil penyelidikan selama 11 tahun serta

testimoni penggunaannya, produk Desire Miracle akan menjadi revolusi baru dalam bidang kecantikan dan kesihatan masa kini," katanya.

Aroma Diffuser pula katanya, mempunyai lebih 20 jenis bentuk dan reka bentuk botol menarik antara jenis Caliban, Pumpkin, Coco Cabana, Tiger Star, Arnold Vosloo, Dimitri, Lady Ashley dan Pretty Sunshine yang dijual dari harga RM32 hingga RM1,200.

Norazizan berkata, untuk minyak aromaterapi bagi tujuan pembakaran pula, sebanyak lima jenis ditawarkan iaitu

Libellule, Dew Drop, Pacific, Lemongrass dan Sandalwood, masing-masing dijual pada harga RM40.

Katanya, NZ Beauty turut menjual lebih 40 jenis minyak aromaterapi untuk tujuan urutan antaranya Massage Oil Plain, Lavender, Equiptus, Pressure, Fresh Radiant, Envy dan Rose Sandal Wood.

Maklumat lanjut hubungi Norazizan: 03-78463498/99 atau 013-3308512.

*Syarikat sasarkan seramai 100 pengedar dan stokis di seluruh negara tahun depan masing-masing bagi setiap produk yang dikeluarkan itu"*

**Noorazizan Kamarudin**  
Pengurus Beauty Care Centre



NOORAZIZAN bersama rangkaian produk NZ Beauty Care.

Headline	<b>NZ Beauty Care sasar 100 pengedar, stokis tahun depan</b>		
Date	<b>20 Nov 2010</b>	Language	<b>Malay</b>
MediaTitle	<b>Berita Harian</b>	Page No	<b>28,29</b>
Section	<b>Ekonomi</b>	Article Size	<b>484 cm<sup>2</sup></b>
Journalist	<b>N/A</b>	Color	<b>Full Color</b>
Frequency	<b>Daily</b>	ADValue	<b>21,323</b>
Circ / Read	<b>192,982 / 1,521,000</b>	PRValue	<b>63,969</b>



PRODUK Aroma Diffuser.



PRODUK semburan Desire Miracle.